

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

# 28 NOV

## SERTAI RUN WALK WHEEL SEMPENA HARI ANTARABANGSA OKU 2015

12294652 10207994238758188 3306222497209961564 n

PULAU PINANG, 28 November 2015 - Orang ramai dijemput mengambil bahagian dalam Projek Komunikasi @ USM-YOKUK melalui Larian Run Walk Wheel pada 5 Disember 2015 di Taman Botani Pulau Pinang sempena Hari Antarabangsa Orang Kurang Upaya (OKU).

Bertemakan "Enhancing Lives with Love, Care and Hope", Projek Komunikasi @ USM-YOKUK ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan bagi semua golongan masyarakat yang mempunyai kebolehan yang berbeza dalam meraikan gaya hidup aktif pada masa yang sama menyatukan rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat demi kebaikan bersama.

Dekan PP Komunikasi, Profesor Madya Dr. Jamilah Hj. Ahmad juga menjemput semua warga USM menyertai program ini untuk menyokong projek Komunikasi @ USM-YOKUK pada tahun ini yang dijalankan oleh para pelajar PP Komunikasi USM.

Dua kategori yang dipertandingkan ialah kategori Run/Walk sejauh 5km dan juga Wheel sejauh 1km. Yuran penyertaan bagi dewasa adalah RM35, RM25 bagi pelajar dan kanak-kanak, RM20 bagi berkerusi roda yang semuanya diberikan baju-T menarik manakala untuk penyertaan sahaja tanpa mendapat baju-T hanya dikenakan RM10 seorang bagi setiap kategori.

Maklumat lanjut, hubungi Gwen (016-6068812) dan Alexis (018-4016899) ataupun emel ke [usmyokuk2015@gmail.com](mailto:usmyokuk2015@gmail.com) Antara (<mailto:usmyokuk2015@gmail.com>) penyumbang bagi program ini adalah Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan, Yayasan Sime Darby, Bank Rakyat, Brahim's dan lain-lain lagi.

Teks: Hafiz Meah Ghouse Meah



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015